



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 3 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SYARIKAT IMPORT MAKANAN HAIWAN DIDENDA RM30,000, DALAM NEGERI, UM -12 DIDENDA RM30,000 IMPORT MAKANAN HAIWAN TANPA LESEN, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	SATU RAHMAT DAPAT BELI BARANG BASAH, NEGARA, KOSMO -5	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5.	513 NELAYAN DIKHUATIRI TERJEJAS, NEGERI SEMBILAN, SH -25 NELAYAN TIDAK TOLAK KLIP JIKA TUNTUTAN DIPENUHI, MAFI, HAKAKAH -N24	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13.	SOKONG TINDAKAN TEGAS, LOKAL, HM -23 SPRM JUMPUL MAKLUMAT LENGKAP ISU CEROBOK TANAH, LOKAL, JM -23 TIADA TINDAKAN DIAMBIL SEJAK 47 TAHUN LALU, ISU KEBUN MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN, SH -6 TEGAS TIDAK BERMAKNA KERAJAAN PAHANG ZALIMI PEKEBUN, KATA PAS, ISU KEBUN MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN, SH -6 'JANGAN POLITIKAN ISU PENEROKAAN TANAH HARAM', ISU KEBUN MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN, SH -6 SAMKA SOKONG TINDAKAN MENTERI BESAR, ISU KEBUN MUSANG KING DI TANAH KERAJAAN, SH -6 PRODUK BERKUALITI, HARGA BERPATUTAN, BISNES SINAR, SH -31 DO WE NEED TO EAT SO MUCH MEAT?, LETTERS, NST -11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Syarikat import makanan haiwan didenda RM30,000

KLANG: Mahkamah Sesyen di sini semalam menjatuhkan hukuman denda RM30,000 kepada sebuah syarikat pengimport makanan haiwan kerana melakukan aktiviti mengimport dari Korea tanpa lesen sah, April lalu.

Syarikat Link Ingredients Sdn. Bhd. selaku orang kena samannya, Fooong Kam Peng, 60, didenda selepas mengaku bersalah di hadapan Hakim Razali Ariffin.

Mahkamah turut memerintahkan kargo makanan haiwan yang dirampas oJabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) diserahkan semula kepada OKS.

Mengikut pertudahan, syarikat yang beroperasi sejak 2007

itu mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan tanpa lesen sah di tapak pemeriksaan kontena CT2, Pelabuhan Klang Utara, pukul 10.45 pagi, 23 April lalu.

Syarikat itu didakwa melanggar peruntukan di bawah Seksyen 9 (1) Akta Makanan Haiwan 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 9 (3) akta sama. Sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun, denda RM100,000 atau kedua-duanya.

Peguam mewakili OKS, Datuk Edward Ng Boon Siong memohon hukuman ditinggalkan memandang kesalahan pertama OKS yang kesal dan bertanggungjawab atas kesalahan tersebut.

“OKS mempunyai lesen im-

port sah daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi makanan haiwan dari China namun pekerjaanya tanpa sengaja mengimport bahan dari Korea akibat pandemik Covid-19.

“Kargo makanan haiwan tersebut juga telah diuji oleh makmal kerajaan dan disahkan selamat untuk dipasarkan,” katanya.

Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar, Mohammad Firdaus Mat Ludin menegaskan OKS tidak prihatin apabila mengimport bahan makanan haiwan dari Korea yang belum mendapat kelulusan daripada kerajaan dan harus dikenakan hukuman sebagai peringatan kepada pemain industri lain.

Didenda RM30,000 import makanan haiwan tanpa lesen

KLANG - Tindakan sebuah syarikat yang mengimport makanan haiwan dari Korea tanpa lesen sah membawa padah apabila didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Hakim Razali Ariffin menjatuhkan hukuman itu selepas Syarikat Link Ingredients Sdn. Bhd. selaku orang kena saman (OKS) yang diwakili pengarahnya, Foong Kam Peng, 60, mengaku bersalah bagi pertuduhan yang dibacakan.

Mahkamah turut memerintahkan kargo makanan haiwan yang dirampas oleh Jabatan

Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) diserahkan semula kepada OKS.

Mengikut pertuduhan, syarikat yang telah beroperasi sejak 2007 itu telah mengimport makanan haiwan atau bahan tambakan makanan haiwan tanpa lesen sah di tapak pemeriksaan kontena CT2, Pelabuhan Klang Utara, pukul 10.45 pagi pada 23 April lalu.

Justeru, syarikat tersebut melanggar peruntukan di bawah Seksyen 9 (1) Akta Makanan Haiwan 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 9 (3) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga dua tahun, denda RM100,000 atau kedua-duanya.

Peguam Datuk Edward Ng Boon Siong yang mewakili OKS memohon hukuman diringankan sebanyak RM10,000 mandangkan ia merupakan kesalahan pertama dan OKS juga menyesali serta bertanggungjawab atas kesalahan tersebut.

"OKS mempunyai lesen pengimportan yang sah daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi makanan haiwan dari China, namun pekerjaannya tanpa sengaja telah

mengimport bahan dari Korea akibat pandemik Covid-19.

"Kargo makanan haiwan tersebut juga telah diuji oleh makmal kerajaan dan disahkan selamat untuk dipasarkan," katanya.

Bagaimanapun, Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Mohamad Firdaus Mat Ludin menegaskan OKS tidak prihatin apabila mengimport bahan makanan haiwan dari Korea yang belum mendapat kelulusan daripada kerajaan dan harus dikenakan hukuman sebagai peringatan kepada pemain industri lain.



FOONG KAM PENG

1,000 ketua keluarga memanfaatkan pembukaan PST di Zon Mawar dan Melur

Satu rahmat dapat beli barang basah

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

SUNGAI PETANI - Kira-kira 1,000 ketua keluarga dari Zon Mawar dan Melur di Ambangan Heights, Amanjaya di sini keluar mendapatkan bekalan makanan terutamanya barang basah di Pasar Segar Terkawal (PST) yang dibuka ka mulai semalam.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Daerah Kuala Muda, Mohd. Fauzi Hashim memberitahu, penduduk mula memenuhi PST yang dibuka di kawasan lapang berhampiran Surau An Nur di Zon Mawar seawal pukul 8 pagi.

"Kita menerima maklum balas yang sangat baik daripada penduduk yang sangat memerhatikan PST sepanjang tempoh Perintah

Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran ini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, sebanyak 12 peserta pasar tani membuka gerai dengan menjual ikan segar, ayam, buah-buahan dan sayur-sayuran.

"Sambutan yang diterima sangat menggalakkan apabila peniaga sayur unuk dijual di pasar segar ini," ujarnya.

Selain itu, katanya, dua buah jualan barang makanan dan keperluan lain di PST.

"Selain barang makanan, lori itu juga menjual lampin pakai buang dan susu," jelasnya.

Katanya, nilai jualan pada hari pertama PST adalah kira-

kira RM50,000.

Pasar itu akan dibuka di Zon Mawar pada setiap Rabu dan Sabtu, manakala Zon Kenanga pada Selasa dan Jumaat dari pukul 8 pagi hingga 11.30 pagi.

Penduduk Zon Mawar Fasa 7, Fatim Faedah Zulkifli, 31, berkata, dia berterima kasih atas keprihatinan kerajaan dan FAMA yang membuka PST di kawasan itu.

"Saya berasa lega apabila dapat membeli ayam, ikan, sayur-sayuran dan buah-buahan segar dengan harga lebih murah daripada kebiasaan.

"Walaupun barang tidak sebanyak di pasar tani, tetapi sebagai penduduk yang dikenalkan PKPD, peluang dapat membeli barangan segar merupakan satu rahmat bagi kami," katanya.



PEGAWAI Daerah Kuala Muda, Abdulah Hashim (kanan) melawat gerai jualan ikan segar pada hari pertama pembukaan PST di Zon Mawar, Amanjaya, Surigai Petani semalam.

513 nelayan dikhuatiri terjejas

Projek pelabuhan di Melaka sempitkan lokasi menangkap ikan di Port Dickson

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

PORT DICKSON

Jabatan Perikanan Negeri Sembilan melancarkan kebimbangan berhubung pembinaan projek Pelabuhan Antara-bangsa Kuala Linggi (KLIP) di Alor Gajah yang dikhuatiri boleh menjejaskan sumber pendapatan seramai 513 nelayan di negeri ini.

Pengaruhnya, Halimi Abu Hanip berkata, ini kerana projek berkenaan berkemungkinan menyempitkan kawasan tangkapan ikan di pantai Port Dickson, pada masa sama



Halimi (tengah) menyampaikan bantuan peralatan kepada ahli myKP di Pengkalan Nelayan Batu 4, Port Dickson semalam.

daftaran Nelayan 2020 di Pengkalan Nelayan Batu 4 di sini semalam.

Mengulas mengenai myKP, sebanyak tiga myKP baharu akan ditubuhkan di negeri ini iaitu di Kampung Seliau, Rantau; Kampung Bayai, Jempol dan Bagan Pinang, Port Dickson bagi mengembangkan lagi konsep pengurusan sumber dan aktiviti perikanan berasaskan komuniti perikanan.

Menurutnya, buat masa ini terdapat enam myKP melibatkan penyertaan seramai 141 orang.

Pada majlis berkenaan, sebanyak RM54,000 nilai bantuan berkelompok disampaikan kepada 40 ahli myKP Batu 4, Port Dickson dan Sungai Timun, Rembau melibatkan sumbangan barangan seperti alat pengecas bateri, tong insulasi, pontun dan tong Coleman.

rana bila adanya pelabuhan, kawasan itu akan jadi tempat kapal-kapal berlabuh dan nelayan akan semakin sukar menajaring dan menangkap ikan," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Taklimat myKomuniti Perikanan (myKP), Penyampaian Bantuan Touch Point, Buku Pendaftaran Nelayan dan Kad Pendaftaran Nelayan.

menjejaskan sumber perikanan sedia ada. "Kita difahamkan pelabuhan itu sangat besar dan nelayan di sini akan turut mendapat tempas kerana lokasinya bersempadan dengan Negeri Sembilan iaitu bersebelahan Tanjung Agas.

"La akan sempitkan lagi kawasan tangkapan ikan ke-

Nelayan tidak tolak KLIP jika tuntutan dipenuhi

Oleh IBNU JANIE

ALOR GAJAH: Nelayan tidak akan menolak pembangunan, namun mereka amat mengharapkan pihak nelayan dilibatkan dalam perancangan mengadakan projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP).

Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, sekiranya semua itu dapat diselesaikan tidak ada masalah bagi pihak persatuan nelayan untuk bersetuju dengan projek KLIP ini.

"Mereka semua begitu tegas, menyebut bahawa mereka bukan menolak pembangunan, cuma mereka mengharapkan supaya mereka dilibatkan dalam sebarang perancangan untuk mengadakan projek Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) ini."

Projek KLIP ini juga mestilah bukan sahaja mendapat kelulusan EIA (Environmental Impact Assessment) tetapi juga perlu kepada kajian kesan terhadap nelayan dan perikanan, juga kesan sosial kepada nelayan-nelayan di kawasan ini dalam jangka pendek dan jangka panjang di samping pampasan yang setimpal untuk mereka.

Beliau menyatakan perkara ini kepada pemberita dalam satu sidang media selepas selesainya sesi dialog bersama dengan ahli dan pimpinan Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) yang diadakan di Dewan PKNMB Kuala Linggi di sini pada 30 Ogos.

Selain MAFI, dialog berkaitan isu pembangunan KLIP yang dikhuatiri menjejaskan mata pencarian nelayan ini turut melibatkan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka.

KLIP merupakan projek di bawah Kerajaan Negeri Melaka seluas 620 ekar di Kuala Linggi Alor Gajah melibatkan pembangunan infrastruktur dan menaiktaraf



Che Abdullah (barisan kedua tengah) bergambar bersama wakil persatuan nelayan.



Mendengar keluhan nelayan dengan telus.

fasiliti pelabuhan melibatkan komponen 'tank farm', 'ship repair yard', 'fabrication yard' dan perkhidmatan pelabuhan dan maritim yang lain.

Menurut maklumat dari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Melaka, dianggarkan seramai 817 orang nelayan di Negeri Melaka dan 265 orang nelayan dari Teluk Kemang Negeri Sembilan akan terjejas yang membabitkan kemerosotan pendapatan sebanyak 80 peratus disebabkan kawasan tangkapan yang mengecil, pengurangan hasil tangkapan disebabkan penur-

runan kualiti air dan kemusnahan tempat pembiakan ikan.

Terdahulu, Presiden Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) Mazelan Abu Bakar ketika berucap di dalam majlis dialog itu melahirkan rasa kesal kerana persatuan nelayan tidak dimaklumkan langsung tentang projek KLIP ini.

"Untuk pengetahuan Dato' (YB Timbalan Menteri MAFI) kita di peringkat persatuan ini tidak dimaklumkan langsung tentang projek KLIP dan kita tidak jahu-menahu tentang projek KLIP.

"Tahu-tahu awal tahun depan dah nak mula operasi korek pasir seperti yang dimaklumkan oleh

pihak UPEN," ujar Mazelan.

Kata Mazelan lagi, tindakan ini membolehkan seolah-olah persatuan ini seperti tidak wujud sedangkan PNKMB adalah persatuan yang mewakili 255 ahli meliputi 10 pangkalan nelayan di Melaka Barat melibatkan tiga DUN iaitu Dun Air Limau, Dun Kuala Linggi dan DUN Tanjung Bidara.

Tambah beliau, walau pun sudah mendapat bantuan Pejabat Ahli Parlimen Masjid Tanah sebagai orang tengah antara pihak persatuan dengan syarikat yang menguruskan projek KLIP ini untuk mengadakan pertemuan bagi mendapatkan maklumat lengkap tentang projek ini, namun mereka tetap tidak dilayan oleh pihak syarikat.

Tegas Mazelan, sebarang pembangunan yang menyentuh peruk nasi nelayan harus diberi gantirugi yang setimpal, bukan sekadar suguhi semata-mata.

Katanya lagi, nelayan akan kehilangan segala-galanya apabila mereka tidak boleh lagi mencari rezeki di laut, lebih-lebih lagi itu sahajalah kemahiran yang mereka ada untuk mencari rezeki yang diwarisi dari generasi terdahulu.

Ketika menjawab persoalan yang diajukan oleh ahli PNKMB dalam sesi dialog itu, Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka, Yusof Abu Bakar menjelaskan bahawa

kelulusan yang diperolehi untuk KLIP sebenarnya hanyalah kelulusan peringkat dasar.

Katanya, ada empat kajian utama perlu dibuat sebelum projek itu boleh dilaksanakan iaitu kajian alam sekitar; kajian kesan terhadap nelayan dan sumber perikanan; kajian terhadap kesan sosial dan kajian terhadap kesan kemungkinan kemusnahan warisan sejarah.

"Untuk 'engagement' dengan nelayan memang satu keperluan bagi salah satu daripada peringkat dalam kajian itu apabila kajian itu dibuat nanti. Semua pihak kita akan panggil nanti."

Menjawab persoalan tentang faedah yang diperolehi penduduk setempat dari projek ini, Yusof berkata memang pada masa ini Kerajaan Negeri Melaka ada meletakkan syarat 'penglibatan tempatan' sebanyak 30 peratus untuk setiap projek yang dijalankan.

Tambah beliau lagi kerajaan negeri akan memastikan bahawa kerja-kerja termasuk penyelenggaraan, pembersihan dan pelung pekerjaan mesti 30 peratus melibatkan penduduk tempatan.

Di akhir ucapannya, Yusof berjanji bahawa semua perkara yang dibangkitkan oleh ahli-ahli persatuan yang hadir di dalam program dialog ini akan dibawa kepada pihak kerajaan Negeri Melaka untuk pertimbangan mereka dalam melaksanakan KLIP.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Pesu-



Che Abdullah menjawab beberapa persoalan.



Salah seorang wakil nelayan yang menyatakan pandangan.



Wakil nelayan memberi gambaran mengenai kepentingan suara mereka juga didengar.

ruhjaya-2 PAS Melaka, Ustaz Iman Abdul Rahman, Setiausaha Badan Perhubungan PAS Melaka, Asri Shaik Abdul Aziz, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Othman Abdul Latiff, dan Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Melaka, Othman Ahmad.

Sementara Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermeyat Samsudin yang tidak dapat hadir kerana menghadiri satu program di Sabah diwakili Setiausaha Sult beliau, Norhan Bahari.

Sokong tindakan tegas

KAR mahu isu kebun durian haram dilihat secara rasional, patuh undang-undang

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Raub

Kelab Anak Raub (KAR) menyokong tindakan tegas kerajaan negeri Pahang membatalkan isu kebun durian-haram jenis Musang King yang banyak terdapat di daerah ini.

Presidennya, Fazli Mohamad Kamal berkata, KAR yang mempunyai lebih 1,000 ahli berdaftar kini terdiri terbahagi kepada empat kumpulan pemimpinan kerajaan negeri ditinjau Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

"Masalah kebun durian haram sudah lama berlaku dan tindakan tegas perlu dilakukan segera kerana ia bukan saja merugikan kerajaan negeri, malah turut memabatkan penduduk di daerah ini.

"Kami berharap tindakan tegas mengikut undang-undang sedia ada dapat diambil pihak berkuasa terhadap mereka (pekebun) yang ingkar dengan arahan dikeluarkan," katanya.

Beliau berkata, tindakan beberapa pemimpin cuba 'menangguk di air keruh' sebab musanya tidak berlaku kerana mereka ingin memperbesar 'isu' berkenaan menjadi bahan politik.

Memutunya, isu berkenaan perlu dilihat dengan rasional dan pekebun terbabit dinasihatkan tidak cuba bermain api, sebaliknya mematuhi undang-undang sedia ada.

Katanya, perhimpunan aman ajur-an Gabungan Perubuhan Melayu Islam Raub membatalkan beberapa perubahan bukan kerajaan (NGO) Melayu Islam di Pahang akan diadakan bertempat di pekarangan Ru-



KEBUN durian jenis Musang King dalam hutan simpan di Raub dimusnahkan.

SPRM kumpul maklumat lengkap isu ceroboh tanah

Medika Sunbanjaya Penregahan Rasuah Malaysia (SPRM) memulakan langkah awal dengan mengumpulkan maklumat lengkap bertubung isu pencerobohan tanah milik kerajaan negeri Pahang di daerah Raub.

Kena Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, beliau sudah mengarahkan SPRM Pahang mengadakan pertemuan segera dengan beberapa pihak bagi mendapatkan maklumat lanjut bertubung isu pencerobohan tanah rizab hutan seluas 4,400 hektar.

Katanya, pertemuan dengan Pejabat

Sebausastra Kerajaan Negeri Pahang serta Pejabat Tanah dan Galian Pahang itu penting bagi memastikan maklumat tepat diperoleh sebelum siasatan lanjut dijalankan.

"Saya sudah mengarahkan SPRM Pahang melakukan kerjasama dengan beberapa pihak berkuasa negeri yang turut menyiasat isu pencerobohan tanah berkenaan," katanya, sempena Program Cakna Rasuah: SPRM Bersama Media Zon Selatan di Hotel Hamden di sini, semalam.

Pada 1 Ogos lalu, Kerajaan Pahang

mula bertindak tegas dalam menangani kegiatan pengusaha kebun durian di Raub yang dsaahakan secara haram di atas tanah kerajaan negeri.

Tindakan itu dilakukan berkulat kerajaan negeri kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah dan kebun haram termasuk di kawasan hutan simpan.

Antara kawasan dusun durian yang terbabit ialah Hutan Simpan Gunung Benom, sekitar Sungai Ruan, Sungai Chalit dan Tranum serta Tras.

mal Rehat Raub, hari ini. Sementara itu, dalam perkerobangan sama, polis Pahang menerima sembilan laporan polis berkaitan aktiviti pencerobohan tanah kerajaan negeri di Raub.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, tiga laporan dibuat tahun ini dan enam laporan lagi sepanjang tahun lalu.

"Tpu Pejabat Daerah (TPD) Raub semasa memantau perkembangan semasa isu pencerobohan tanah kerajaan negeri terutama di daerah ini.

"Setakat ini, di Raub sahaja kita menerima sembilan laporan memabatkan rasa tidak puas hati pengusaha terhadap tindakan yang diambil ke atas mereka dan ada laporan dibuat untuk keselamatan diri dan perniagaan," katanya.

Pada 1 Ogos lalu, kerajaan negeri Pahang mula bertindak tegas dalam menangani kegiatan pengusaha kebun durian di Raub yang dsaahakan secara haram di atas tanah kerajaan dan kawasan hutan simpan.

Tindakan itu dilakukan berkulat kerajaan negeri mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah dan kebun haram termasuk di kawasan hutan simpan.

Antara kawasan dusun durian terkenal di Raub yang terbabit ialah Hutan Simpan Gunung Benom, sekitar Sungai Ruan, Sungai Chalit serta Tranum dan Tras.

Tiada tindakan diambil sejak 47 tahun lalu

Putra gesa SPRM siasat
Jabatan Perhutanan
kerana biarkan 4,400
hektar hutan di Raub
diteroka secara haram

Oleh **TUAN BUQHAIHAH TUAN
MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Parti Bumiputera Peraka Malaysia (Putra) menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat pihak terbabit termasuk Jabatan Perhutanan Malaysia dalam isu penerokaan secara haram tanah kerajaan untuk menanam durian musang king di Raub, Pahang.

Naib Presidennya, Datuk Hamidah Osman berkata, sejak 47 tahun lalu sebanyak 4,400 hektar hutan telah diteroka secara haram di daerah itu.

Menurutnya, tanah rizab hutan itu dilindungi di bawah Akta Perhutanan Negara 1994 yang memberi kuasa kepada pihak Jabatan Perhutanan Malaysia melaksanakan tindakan undang-undang terhadap peneroka haram.

"Apakah yang telah Jabatan Perhutanan lakukan sedangkan terdapat akta khas yang membolehkan mereka bertindak?"

"Kita tahu hutan dijaja oleh Jabatan Perhutanan Malaysia.



Hamidah (kanan) bercakap kepada pemberita selepas membuat laporan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya semalam.

Jabatan itu ada pengarah, pegawai dan renjer. Takkan mereka tidak tahu apa yang berlaku pada tanah seluas itu?" soalnya ketika ditemui pemberita selepas membuat laporan di Ibu Pejabat SPRM di sini semalam.

Turut hadir, Timbalan Naib Presiden Putra, Mohd Khairul Azam Abdul Aziz.

"Kita minta supaya perkara ini diasiasat kerana nampak seolah-olah berlaku rasuah," katanya.

Dalam pada itu, Hamidah turut mempersoalkan tindakan kerajaan negeri Pahang yang melantik syarikat untuk mencari penyelesaian mengenai perkara tersebut.

"Kita ada akta, kenapa tiada tindakan diambil? Kenapa diberi tanah yang diceroboh kepada peneroka haram?" soalnya.

Menurutnya, beliau bersedia menggerakkan seluruh rakyat untuk meneroka hutan secara haram sekiranya tiada tindakan diambil kerajaan.

"Jika mereka tidak dikenakan tindakan, saya seru seluruh rakyat Malaysia meneroka hutan di negara ini kerana dengan meneroka mereka boleh dapatkan tanah itu," katanya.

Beliau berkata, Putra turut mencadangkan agar tanah bekas kebun durian itu dijadikan tanah rizab Melayu dan diberikan kepada bekas tentera, polis atau sesiapa yang layak.

Ditanya mengenai dakwaan bahawa tanah itu diberikan kepada peneroka dan pekebun durian pada tahun 1970-an kerana jasa menentang komunis, Hamidah mencabar pihak berkenaan mengemukakan bukti.

"Tak perlu bawa kes ke mahkamah, tunjukkan saja geran," katanya.

Pada 23 Julai lalu, Ahli Parlimen Raub, Tengku Zulpuri Shah Raja Puri membangkitkan isu penerokaan tanah di daerah itu untuk dijadikan sebagai kebun durian secara haram.

'Jangan politikkan isu penerokaan tanah haram'

KUANTAN - Kes penerokaan tanah haram di Raub jangan dijadikan isu politik dengan memburukkan kerajaan Pahang sedangkan tindakan pekebun durian musang king itu adalah salah dari segi perundangan.



ANAZ

Pengerusi Pertubuhan Anak Muda Teruntum (Permat), Anaz Ab Moris berkata, kerajaan Pahang berada di pihak yang benar dengan mengeluarkan notis pengosongan tanah yang diterokai pekebun durian secara haram lebih 40 tahun lalu.

"Kerajaan negeri ada hak ke atas tanah itu mengikut undang-undang dan sebagai badan bukan kerajaan (NGO), kami memberikan sokongan terhadap tindakan pihak kerajaan.

"Dalam isu ini, kami menolak campur tangan oleh segelintir pihak berkepentingan politik yang cuba meraihi simpati dengan memburukkan

kerajaan negeri," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Anaz berkata, tindakan tegas perlu diambil terhadap pekebun-pekebun yang menceroboh tanah kerajaan, namun pihaknya

berharap kerajaan negeri dapat berlaku adil dalam melaksanakan penguatkuasaan itu.

"Sektor pertanian adalah bagus, tetapi aktiviti pencerobohan hutan dan tiada tindakan undang-undang akan menyebabkan perkara ini merebak ke seluruh negeri bahkan negara.

"Jadi, tindakan penguatkuasaan perlu lebih tegas terhadap segelintir pihak yang bertindak menerokai tanah secara haram ini," kata beliau lagi.

Anaz berkata, Permat akan bersama dengan NGO lain untuk menyokong kerajaan negeri bagi mendapatkan keadilan dalam isu tersebut.

Samka sokong tindakan Menteri Besar

RAUB - Perikatan Selamatkan Musang King (Samka) mengalu-alukan kenyataan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail kelmarin bahawa kerajaan negeri akan mematuhi perintah mahkamah dan tidak akan menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka sehingga 28 Oktober depan.

Bagaimanapun, jurucakap perikatan itu yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Chow Yu Hui mengingatkan supaya kerajaan negeri tidak melupakan sejarah.

Menurutnya, sejak 1970-an bagi menyahut seruan Rancangan Buku Hijau, kerajaan negeri menggalakkan petani meneroka dan bercucuk tanam atas tanah terbiar bagi menyokong kehidupan mereka.

"Selepas itu, banyak permohonan pekebun untuk mendapatkan permit ditolak oleh kerajaan pula dan akibatnya ramai yang terpaksa meneruskan penanaman di atas tanah haram.

"Kerajaan negeri tidak patut mengangap mereka sebagai penjenayah dan melekatkan label 'haram' tanpa mengambil kira konteks dan fakta sejarah," katanya pada sidang akhbar di Pasar Sungai Klau di sini semalam.

Ujarnya, pekebun telah memohon geran untuk menanam secara bertusan selama beberapa dekad.

"Ya membuktikan mereka sentiasa bersedia untuk membayar cukai, tetapi permohonan mereka ditolak dan kerajaan mendakwa mengalami kerugian.

"Bagaimanapun, pekebun masih bersedia bekerjasama untuk menyelesaikan masalah kebun durian tanpa permit, tetapi campur tangan daripada golongan korporat harus dihentikan sepenuhnya.

Tegasnya, campur tangan golongan itu bukan hanya akan mengeksplotasi hak pekebun, tetapi mengurangkan pendapatan kerajaan negeri kerana matlamat utama ialah memperolehi keuntungan secara maksimum.

Tegas tidak bermakna kerajaan Pahang zalimi pekebun, kata Pas

KUANTAN - Pas Pahang menyokong pendirian Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail untuk bertindak tegas terhadap pekebun durian musang king di Raub yang didakwa menceroboh tanah milik kerajaan negeri.

Pesuruhjaya Pas Pahang, Rosli Jabar berkata, ketegasan itu tidak bermakna kerajaan negeri melakukan kezaliman ke atas pekebun berkecuali, tetapi sebagai pengajaran



ROSLI

kepada rakyat Pahang supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan.

"Ketegasan ini tidak bermaksud bertindak zalim ke atas pekebun yang meneroka tanah secara haram, namun ia adalah didikan kepada rakyat di

Pahang supaya sentiasa mematuhi undang-undang," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Kelmarin, Wan Rosdy men-

jelaskan tindakan kerajaan Pahang meminta semua pekebun mengosongkan tanah yang diterokai itu berdasarkan tindakan undang-undang.

Rosli berkata, penerokaan tanah haram adalah isu negeri dan perlu diselesaikan secara adil.

"Jadi, Pas Pahang meminta agensi terlibat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP), Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP) dan Pejabat Tanah dan Galian memainkan peranan mereka," katanya.

Produk berkualiti, harga berpatutan

SR Food tawar 12 produk hasil laut kering dari Tawau

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

Syarikat bumiputera, SR Food Industry Resources Sdn Bhd (SR Food) yang menawarkan pelbagai produk hasil laut kering dari Tawau, Sabah berusaha meluaskan rangkaian produknya ke pasar raya terkemuka di seluruh negara sebagai strategi untuk mengukuhkan kedudukannya di pasaran tempatan.

Pengarah Operasi dan Strategi Perniagaannya, Syed Luqman Hakim Syed Alwi berkata, produk hasil laut kering berjenama Mutiara Seafood itu dipasarkan secara dalam talian dan di pasar raya terkenal seperti Hero Market, AJ Best dan Malakat Mall.

Menurutnya, sebagai peneraju hasil laut kering dari Sabah, SR Food menawarkan sebanyak 12 produk terdiri daripada ikan bilis, udang kering, ikan masin dan sembilan jenis ikan kering berkualiti tinggi pada harga berpatutan.

Katanya, beliau mengambil inisiatif menawarkan hasil laut kering dari Tawau bagi memudahkan penduduk di Semenanjung mendapatkan produk

berkenaan tanpa perlu datang ke Negeri Di Bawah Bayu itu.

"Kami menawarkan harga 40 peratus lebih rendah daripada pasaran kerana produk berkenaan diambil terus daripada nelayan di Tawau.

"Ya diusahakan sendiri oleh mereka. Kualitinya terjamin kerana golongan nelayan ini amat mementingkan teknik pengeringan hasil laut yang dilakukan di atas bagang milik mereka di tengah laut," katanya kepada *Bisnes Sinar*.

Pemuda berusia 28 tahun itu berkata, walaupun perniagaannya masih baharu, namun SR Food merupakan vendor utama yang membekalkan 50 peratus hasil laut kering di bahagian kering Hero Market, terutamanya di 28 cawangan pasar raya berkenaan di sekitar Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang.

"Buat masa ini, kami membekalkan 10 tan daripada 20 tan produk hasil laut kering dari Tawau kepada Hero Market.

"Kami menerima maklum balas positif daripada pasar raya ini kerana ia mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelanggan berikutan kualitinya," katanya.

Tambah beliau, kesemua produk hasil laut kering tersebut tiada bahan pengawet dan dikeringkan secara tradisional di 30 buah bagang yang terdapat di perairan Laut China Selatan.



Pengarah Pemasaran dan Jualan SR Food, Yusra Radhi memberi penerangan mengenai produk SR Food kepada seorang kakitangan Hero Market di Alam Megah, Shah Alam, Selangor.

Kami menawarkan harga 40 peratus lebih rendah daripada pasaran kerana produk berkenaan diambil terus daripada nelayan di Tawau."

Keistimewaan

"Ya merupakan antara keistimewaan produk kami.

"Kesemua 20 nelayan yang menjadi pembekal utama kami akan mengeringkan 50 tan hasil laut mereka di 30 buah bagang berkenaan sebaik menaikkan hasil tangkapan," katanya.

Tambahnya, selain membekalkannya di Hero Market, produk SR Food juga mendapat sambutan yang memberangsangkan menerusi pembelian secara dalam talian.

Syed Luqman Hakim menjelaskan, SR Food memilih untuk memasarkan hasil laut kering dari Sabah kerana sejak dahulu lagi negeri berkenaan mendapat jolokan syurga makanan laut di negara ini.

"Ya menyebabkan kami mahu berkongsi kelebihan tersebut dengan penduduk di sini kerana produk berkenaan

diambil terus daripada nelayan," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menaikan masih terdapat segelintir peniaga yang menjual hasil laut berkenaan pada harga lebih mahal berikutan peningkatan pelbagai kos yang ditanggung nelayan dan peraih.

"Kadang-kadang pengguna mahu membeli produk berkenaan dalam kuantiti yang sedikit sahaja tetapi mereka terpaksa melupakan hasrat itu kerana perlu mengeluarkan kos yang tinggi dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkannya.

"Dengan adanya produk kami di Hero Market dan platform e-dagang, mereka boleh mendapatkannya pada bila-bila masa sahaja. Malah, mereka juga boleh melihat sendiri kualiti produk kami di Hero Market," ujarnya.

Katanya, pembeli yang membeli produk SR Food secara dalam talian juga akan mendapat kualiti yang sama seperti produk di Hero Market.

SR Food yang ditubuhkan pada awal tahun 2020 beroperasi menerusi pejabatnya di Cyberjaya dan pusat logistik di Setia Alam, Shah Alam, Selangor.

Ia ditubuhkan atas hasrat Syed Luqman Hakim yang mahu memudahkan orang ramai mendapatkan produk hasil laut kering berkualiti pada harga berpatutan.



Hasil laut kering nelayan dari Tawau, Sabah yang dijemur di atas bagang di perairan Laut China Selatan.

END SPECIESISM

Do we need to eat so much meat?

THE 1918 Spanish Flu arose from the farming and consumption of pigs. Rabies in South America was transmitted by vampire bats to cattle, who then transmitted it to humans. The Nipah virus became an outbreak because infected fruit bats transmitted their virus to farmed pigs.

Where there is the consumption of meat and the destruction of the natural world, there will be disease outbreaks.

As incomes and standards of living rise in Malaysia, our meat consumption also rises. Between 1981 and 2015, consumption of beef rose from 23,000 metric tonnes to 250,000 metric tonnes. Between 1996 and 2015, consumption of poultry rose from 666,000 metric tonnes to 1.59 million metric tonnes.

It is imperative to ask ourselves if it is necessary to continue to consume so much. The more meat we eat, the

more intensive and cruel the animal agriculture industry has to become to be efficient and profitable.

The technology exists for us to consume meat that does not cause animal suffering, or harm our health or the environment. 'Clean meat', grown from harvested stem cells, is now reaching the scale of production and will soon be as affordable as animal-based meat.

Producing meat in laboratories would require less water, land and grains than livestock farming, and would reduce greenhouse gas emissions. Plant-based meat alternatives have been in the Malaysian market for many years, and most of these products have obtained halal certification and can be enjoyed by everyone.

Thanks to advances in technology, much of the world, including Malaysia, has access to fruits, grains and

vegetables, which can meet human dietary needs inexpensively.

There is a growing population of vegans and animal rights advocates, who hold the strong moral views that there can be no justification for harming animals. But holding the view that we should kill fewer animals for food, and choose products and services that do not harm or exploit animals, will reduce the number of animals that suffer great pain and misery just to satisfy human appetites.

Aug 29 is observed as the "World Day for the End of Speciesism". It is a day for us to reflect on and challenge our long-held beliefs about the superiority of humans, as well as how to relate to and regard non-human species.

The Society for the Prevention of Cruelty to Animals Selangor has expanded its work to include advocat-



Producing meat in laboratories will require less water, land and grains than livestock farming.

ing for improvements to farm animal welfare and for plant-based lifestyle and ethics.

We encourage everyone to change how we view and treat other species. Take measures to reduce the suffering of other species. Even if one cannot make the full transition to a vegetarian diet, support higher

welfare standards for farm animals until the system can be reformed or abolished.

WONG EEL LYNN

Farm Animal Welfare Programme manager, Society for the Prevention of Cruelty to Animals Selangor